






SIARAN AKHBAR

INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU PERTAMA (Q1 2021)

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau Residential Property Price Index (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku pertama 2021. Indeks ini dihasilkan dengan data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam, dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI).
2. Pada Q1 2021, RPPI menunjukkan peningkatan sebanyak 1.9% tahun-ke-tahun kepada 92.8 berbanding dengan Q1 2020, dan peningkatan sebanyak 2.5% berbanding dengan Q4 2020.

| Tempoh | Indeks [Q1 2015 = 100] | Perubahan [%] | |
|---------|---------------------------|---------------|--------------|
| | | Dari Q1 2020 | Dari Q4 2020 |
| Q1 2021 | 92.8 | 1.9% | 2.5% |





3. Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian hartanah kediaman persendirian yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 112 transaksi pembelian hartanah kediaman persendirian telah dicatatkan pada Q1 2021 berbanding dengan 131 transaksi pada Q4 2020. Kebanyakan daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* (60.7%); diikuti oleh rumah berkembar atau *semi-detached* (20.6%); rumah teres (8.0%); pangsapuri (8.0%); dan tanah (2.7%).

4. Harga median bagi pembelian kesemua jenis hartanah kediaman persendirian pada tempoh Q1 2021 adalah BND247,000. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 0.8% berbanding dengan Q1 2020, dan peningkatan sebanyak 0.8% berbanding dengan Q4 2020. Harga median bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* adalah BND283,000; bagi rumah berkembar atau *semi-detached* adalah BND185,000; bagi rumah teres adalah BND215,000; bagi pangsapuri adalah BND220,000; dan bagi tanah adalah BND150,000.
5. Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik tersebut untuk menilai mana-mana hartanah kerana harga hartanah kediaman persendirian adalah berbeza tertakluk antaranya kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
6. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web BDCB www.bdcg.gov.bn. Maklumat terkini mengenai RPPi juga akan dikeluarkan dari masa ke masa melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 8 Safar 1443 / 16 September 2021

Rujukan: BDCB/COMMS/3